

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6

## Pajak bumbung pasang panel solar

# Pajak bumbung pasang panel solar

Kerajaan beri pilihan kepada isi rumah untuk jana pendapatan selain kurangkan bil elektrik

KUALA LUMPUR

Kerajaan bercadang untuk menawarkan pemilik rumah memajak bumbung kediaman mereka bagi pemasangan panel solar sambil menjana pendapatan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan berhasrat untuk memberi pilihan kepada isi rumah menerusi penyewaan bumbung (bagi penyewaan tenaga) untuk mendapatkan pendapatan bulanan yang dapat mengurangkan bil elektrik.

"Kerajaan menerajui usaha itu dengan memperuntukkan

sejumlah RM80 juta bagi pemasangan panel solar di bumbung bangunan-bangunan kerajaan.

"Kita turut mengubah amalan lama, tidak lagi menghukum agensi kerajaan dengan bertindak menolak belanjawan mereka daripada langkah penjimatan elektrik yang dijana secara solar," katanya sempena majlis pelancaran Fasa 1 Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, Rafizi berkata, NETR akan membuka lebih banyak peluang pelaburan bernilai RM435 bilion hingga RM1.85 trilion menjelang 2050.

Jelasnya, ini didasarkan daripada 10 inisiatif pemangkin meluas yang akan diperkenalkan seiring dengan pelancaran tersebut serta dasar-dasar yang diumumkan oleh Kementerian itu serta Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC).

"Pelaburan yang dipacu oleh NETR ini akan mewujudkan lebih banyak pekerjaan ber-



Rafizi (tengah) melancarkan Fasa 1 Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) pada Khamis.

pendapatan dan bernilai tinggi.

"Fasa pertama NETR itu sahaja dijangka mewujudkan kira-kira 23,000 pekerjaan berimpak tinggi," ujarnya.

Pada masa sama, beliau berkata, pelan hala tuju itu dapat membantu usaha transformasi ekonomi negara dengan membuka peluang kerjasama

menguntungkan serta baik untuk alam sekitar serta ekonomi.

Ini penting katanya, berikutan sejak beberapa tahun lepas, pelaburan Malaysia dalam aspek tenaga boleh baharu (TBB) adalah ketinggalan berbanding negara lain yang memulakan usaha itu lebih lewat.

"Antara punca utamanya

adalah tindakan pentadbiran sebelum ini yang tidak menjadikan industri TBB sebagai lubuk atau peluang menguntungkan untuk diceburi oleh perniagaan.

"Sehubungan itu, NETR adalah usaha kerajaan untuk mengubah ekonomi TBB supaya kita dapat meningkatkan kapasiti sedia ada dengan infrastruktur serta teknologi yang tepat," jelasnya.

Bersandarkan kepentingan itu, Rafizi berkata, kemENTERIannya dan NRECC pada dua bulan lepas telah membuat keputusan dasar penting seperti menarik balik larangan eksport TBB dan mewujudkan pusat pertukaran elektrik kendalian pengagregat atau *aggregator* pasaran tunggal bagi memastikan harga yang adil serta telus.

"Bagi mengurangkan komitmen kerajaan, kita turut bertindak meningkatkan lagi sasaran kapasiti TBB yang dipasang kepada hampir dua kali iaitu daripada 40 peratus kepada 70 peratus menjelang 2050," ujarnya. - *Bernama*